

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]
TARIKH : 15 JUN 2015
SOALAN :

YB Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesediaan Kerajaan mengkaji dan menggubal sistem perkhidmatan kesihatan kepada warga emas, agar rawatan kesihatan kepada mereka dikenakan 'zero cost' atau terhampir dengannya. Ini adalah untuk menghargai sumbangan bakti mereka kepada negara hingga apa yang dikecapi oleh generasi kini adalah atas titik peluh dan perkhidmatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Demi menghargai sumbangan bakti warga emas kepada negara, Kerajaan telahpun memutuskan untuk tidak mengenakan sebarang bayaran kepada mereka yang datang mendapatkan rawatan pesakit luar (termasuk pesakit luar untuk rawatan pakar) di kesemua klinik-klinik kesihatan dan hospital kerajaan diseluruh negara.

Tuan Yang Dipertua;

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa menitik beratkan keperluan pelanggan yang terdiri dari pelbagai golongan usia. Oleh itu, bagi golongan warga emas, keutamaan diberikan bersama-sama kumpulan tertentu seperti kepada pesara, kanak-kanak, penderma darah, ibu mengandung dan pesakit tenat di semua hospital melalui perkhidmatan kaunter khas atau secara memberi nombor awal di kaunter pendaftaran.

Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil 4 Tahun 2011 turut menyatakan pengecualian caj pendaftaran sebanyak RM1.00 yang ditetapkan di bawah Jadual A, Bahagian 1, Perintah Fi (Perubatan) 1982 kepada warganegara yang berumur 60 tahun ke atas yang mendapatkan rawatan di Jabatan Pesakit Luar hospital / klinik Kerajaan.

Pengecualian bayaran pendaftaran kepada warga emas bagi rujukan kes ke Klinik Pakar sebanyak RM 5.00 telah dilaksanakan mengikut Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil 2 Tahun 2012

Manakala bagi caj pesakit dalam pula, pengurangan caj perkhidmatan pesakit kelas 3 bagi golongan warga emas adalah sebanyak 50% dengan caj maksimum sebanyak RM 250.00 bagi setiap kemasukan mengikut Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil 2 Tahun 2012.

SOALAN (82)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 15 JUN 2015
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK LINDA TSEN THAU LIN
[BATU SAPI]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kedudukan pelaksanaan Program Perumahan Rakyat dan apakah perancangan dalam masa 5 tahun akan datang di kawasan Parlimen Batu Sapi (P185).

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di kawasan Parlimen Batu Sapi, sebuah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang merangkumi 180 unit kediaman dalam peringkat pembinaan dan projek ini dijadualkan siap dibina sebelum penghujung tahun 2015.

Selain itu juga, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut merancang untuk membina PPR Fasa II sebanyak 320 unit lagi pada Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11).